



27 SEP, 2025

Tidak perlu lagi daki bukit cari internet, TNB bantu sediakan Starlink

Kosmo, Malaysia



MOHD. AZMAWI (kanan) meninjau perkhidmatan internet satelit Starlink yang dipasang pihak TNB Genco di Kampung Gob, Pos Gob, Gua Musang. – AIMUNI TUAN LAH

Tidak perlu lagi daki bukit cari internet, TNB bantu sediakan Starlink

GUA MUSANG – Penduduk Orang Asli di Kampung Gob, Pos Gob di sini tidak perlu lagi berjalan kaki untuk mendaki bukit tiga jam semata-mata mahu mendapatkan liputan internet selepas perkhidmatan internet satelit Starlink dipasang di perkampungan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPK-KOA) Pos Gob, Hady Liman, 43, berkata, sebelum ini penduduk terpaksa berada di atas Bukit Rabok kerana mahu mendapatkan liputan internet.

Katanya, masalah dihadapi penduduk akhirnya dapat ditangani menerusi pemasangan peranti Starlink secara percuma oleh Tenaga Nasional Berhad Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco).

“Sebelum ini kampung ini ada kemudahan Wi-Fi, namun bermasalah kerana rangkaianannya lemah. Saya harap pemasangan peranti Starlink yang dilakukan pihak TNB Genco dapat memberi manfaat kepada 500 penduduk di kawasan ini.

“Kami sangat memerlukan internet untuk berhubung teru-

tamanya untuk kecemasan.

“Jika berlaku kecemasan, kami sukar nak cari liputan telefon. Kami dapat berhubung dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) sekiranya berlaku kes kecemasan dan tidak perlu lagi berjalan kaki dua hingga tiga jam untuk mendaki bukit bagi mencari liputan,” katanya.

Seorang penduduk, Azmi Adik, 41, dari Kampung Rang, Pos Gob berkata, penduduk Orang Asli di Pos Gob memperoleh sinar baharu dengan capaian internet Starlink.

Katanya, jarak untuk mendapatkan liputan internet lebih dekat iaitu hanya satu kilometer dari kampungnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Mohd. Azmawi Fikri Abdul Ghani berkata, pihak TNB Genco membuat penajaan pemasangan peranti Starlink secara percuma kepada penduduk.

Katanya, dianggarkan 3,000 penduduk di empat buah kampung Orang Asli di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri telah menerima manfaat Starlink.